



**UCAPAN YAS DATO' MAHADI BIN MD ALI  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

**SEMPENA  
MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN  
BOMBA DAN  
SIJIL PENGHARGAAN PERSARAAN  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

**PADA  
21 OKTOBER 2014 (Selasa)**

**MASA  
8.30 pagi**

**TEMPAT  
Dewan Taming Sari  
Ibu Pejabat JBPM Negeri Melaka**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ  
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ

Selamat pagi, salam sejahtera dan Salam 1  
Malaysia,  
Salam Melaka Maju Negeri Ku sayang, Negeri  
Bandar Teknologi Hijau,  
Melaka 752 tahun 'Melaka Maju Fasa II',

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis

**YS PPjB Nazili Bin Hj. Mahmood**

Pengarah,  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
Negeri Melaka

**PgKB I Sohaimi Bn Mohamed**

Timbalan Pengarah,  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
Negeri Melaka

**Penolong-penolong Pengarah Bahagian,**

**Ketua-ketua Zon, Ketua-ketua balai,**

**Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka**

**Penerima pingat, pesara bomba dan bakal pesara bomba,**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.**

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka kerana sudi menjemput saya untuk menyempurnakan **Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Bomba**

**dan Penyampaian Sijil Penghargaan Persaraan** pada kali ini. Saya akan membacakan teks ucapan YAS Ketua Pengarah kerana seperti yang kita sedia maklum YAS Ketua Pengarah masih lagi berada di tanah suci untuk mengerjakan ibadah Haji dan kita doakan semoga beliau dipermudahkan segala urusan di sana dan memperolehi haji Mabrur.

2. Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada **33 orang** pegawai bomba di Negeri Melaka ini yang telah dipilih sebagai penerima pingat kebesaran bomba manakala seramai **7 orang pegawai** yang telah dan bakal bersara, akan menerima Sijil Penghargaan Persaraan daripada Jabatan. Penganugerahan ini merupakan satu pengiktiran

dan tanda terima kasih daripada JBPM kepada warga kerja jabatan yang telah memberikan komitmen sepanjang perkhidmatan. Dengan adanya penganugerahan ini saya berharap supaya kakitangan akan dapat memperkukuhkan iltizam masing-masing untuk terus menunjukkan mutu perkhidmatan yang unggul dan berkesan, seterusnya mampu menjana mutu kerja dengan memberikan perkhidmatan yang berkualiti daripada pelbagai sudut perkhidmatan secara terus menerus.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati  
sekalian,**

3. Saya yakin ramai lagi dikalangan kita yang belum menerima penganugerahan ini, saya

harap tuan-tuan dan puan-puan tidak berputus asa, saya yakin suatu hari nanti giliran kita akan tiba, insyaallah. Jabatan amat menghargai pegawai-pegawai dan anggota yang sentiasa memberi keutamaan kepada tugas, berusaha untuk menaikkan imej dan reputasi Jabatan serta telah memberi sumbangan yang besar kepada Jabatan sepanjang perkhidmatan. Sebagai tanda penghargaan, mereka dibalas dengan penganugerahan Pingat-Pingat Kebesaran Jabatan iaitu Pingat Setia Bomba (PSB), Pingat Cemerlang Bomba (PCB) dan Pingat Jasa Bomba (PJB). Kita percaya dengan adanya insentif dan pengiktirafan seperti ini akan merupakan pemangkin kepada semangat anggota-anggota dan kakitangan untuk terus berusaha bagi memperbaiki perkhidmatan

mereka dan seterusnya menjadikan JBPM *“sebagai Sebuah Organisasi Kebomgaan Dan Penyelamatan Berprestasi Tinggi*, disegani dan boleh dipercayai masyarakat.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati  
sekalian,**

4. Apa yang perlu kita laksanakan ialah kita mesti memberikan perkhidmatan yang terbaik dan menyumbangkan sesuatu yang hebat untuk mempertingkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan jabatan ke tahap yang tertinggi dan terbaik. Kita mempunyai “core business” yang amat baik iaitu memberikan perkhidmatan kepada setiap lapisan masyarakat yang memerlukan bantuan pada setiap masa tanpa mengira pangkat, kaum

dan segala-galanya. Sehubungan dengan itu semua peringkat pegawai dari pengurusan peringkat akar umbi perlu bersatu padu dan bekerjasama untuk memajukan jabatan.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati  
sekalian,**

5. Syarat kedua untuk menjadi sebuah organisasi yang cemerlang ialah kita perlu meletakkan *standard* yang lebih tinggi. Kita perlu mempunyai iltizam untuk mencapai tahap kecemerlangan. Oleh itu, saya menyeru kepada seluruh warga JBPM, marilah kita bersama-sama memperbaharui azam dan iltizam kita untuk terus meningkatkan usaha kita bagi memperbaiki lagi kecekapan dan kemampuan



kita supaya kita dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat yang telah meletakkan tanggungjawab itu kepada kita dan kita telah berjanji untuk memikul tanggungjawab itu sebaik kita melangkah kaki ke dalam Jabatan ini.

6. Kecemerlangan modal insan pula adalah aset terpenting untuk menjadi organisasi yang cemerlang. Justeru itu, saya berharap agar kita semua sentiasa meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan, kecekapan, kemahiran dan kemampuan untuk bertindak dengan cara terbaik dalam menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat. Dalam pada itu, kita perlu sedar bahawa untuk mencapai tahap kecemerlangan, sesebuah organisasi tidak boleh

bergantung kepada kecekapan dan kemahiran segelintir warganya sahaja, sebaliknya ia memerlukan semua pegawai dan kakitangan bersama-sama berganding bahu dan bekerja sebagai satu pasukan.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

7. Disiplin yang tinggi dan pemikiran yang positif merupakan faktor asas dalam pembinaan perkhidmatan yang baik, cemerlang dan berkualiti. Setiap pegawai yang berkualiti, akan memastikan soal disiplin sentiasa diutamakan pada setiap masa. Penghayatan slogan **Cepat dan Mesra** perlu diterapkan semasa berurusan dengan pelanggan, *stake holder* dan

masyarakat. Tutar kata yang sopan dapat mewujudkan suasana mesra, dan membantu kita dalam melaksanakan tugas seharian.

8. Kita juga perlu sentiasa kreatif memperlengkapkan diri dengan kemahiran semasa, inovatif dalam mencari peluang bagi mendedahkan diri kepada perkara baru, serta agresif dalam mempelajari ilmu untuk meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan. Amalan ini hendaklah dipraktikkan sehingga menjadi budaya dalam organisasi. Apabila kita memperkatakan mengenai sistem penyampaian perkhidmatan yang berkesan, satu elemen penting yang tidak dapat kita elakkan ialah aspek **integriti**. Setiap dari kita seharusnya mempunyai nilai-nilai amanah, jujur, taat dan

mempunyai sifat peribadi yang luhur. Seseorang penjawat awam yang berintegriti ialah seseorang yang sentiasa menghargai serta memelihara kepentingan jabatan dan hak orang ramai.

9. Seorang pegawai yang berintegriti, tidak akan membuang masa dengan sia-sia. Dia tidak akan membiarkan pelanggan jabatan tertunggutunggu. Dia akan melaksanakan tugasnya dengan cara yang terbaik. Pendek kata seorang pegawai yang berintegriti adalah juga seorang pegawai yang professional, yang terbaik dikalangan yang terbaik. Jabatan amat mengharapkan agar semua pegawai dan anggota dalam organisasi ini, berpeluang untuk mendapatkan penghargaan daripada jabatan, tetapi hakikatnya, hanya mereka yang terbaik

sahaja yang akan terpilih untuk menerima penghargaan tersebut.

10. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin sekali lagi mengajak tuan-tuan dan puan-puan serta kita semua mestilah bersama-sama bersatu hati dan berazam serta berusaha bersungguh-sungguh untuk membawa jabatan kita sebagai sebuah jabatan yang hebat.

11. Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pegawai dan kakitangan yang menerima anugerah pada pagi ini dan berharap ia akan menjadi contoh kepada pegawai-pegawai lain dalam mempertingkatkan kecemerlangan keperibadian yang baik. Tidak dilupakan juga kepada pegawai bomba yang

telah bersara dan yang akan bersara, Saya mendoakan agar tuan-tuan akan beroleh kejayaan dalam apa juga lapangan yang tuan-tuan ceburi.

12. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada YS Pengarah Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka dan pegawai-pegawainya yang telah menjemput saya untuk menyempurnakan majlis pada pagi ini.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat untuk menjayakan majlis pada pagi ini.

Sekian, saya sudahi dengan Wabbillahhi Taufiq  
Wal Hidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.